

12 OCT 1996

Umno-Anwar

TIDAK WUJUD KEM DALAM UMNO, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Anggota Kelab-kelab Umno terdiri daripada pelajar Malaysia di luar negara diingatkan supaya jangan terpengaruh dengan berita kononnya wujud "kem Mahathir atau kem Anwar".

Perkara ini dijelaskan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Timbalan Presiden Umno kepada wakil-wakil 23 Kelab Umno yang mengunjunginya di ibu pejabat parti di hari terakhir Perhimpunan Agung parti itu.

Presiden Kelab Umno Chicago, Ahmad Ikram Ismail yang mengetuai rombongan itu berkata Anwar menjelaskan kepada mereka bahawa tidak ada dua kem dalam parti seperti yang didakwa sesetengah pihak.

Menurutnya Anwar memberitahu mereka bahawa beliau tidak akan melawan Dr Mahathir yang dianggapnya sebagai seorang bapa.

"Beliau juga sentiasa mengingati kesanggupan Dr Mahathir datang menemuinya di pejabatnya (Yayasan Anda) di Jalan Pantai pada tahun-tahun 80'an untuk mengajaknya menyertai Umno," kata Ahmad Ikram.

Beliau berkata anggota-anggota Kelab Umno tidak terbahagi kepada mana-mana kem kerana bagi mereka yang penting ialah meneruskan perjuangan untuk orang Melayu.

"Ramai di kalangan pelajar luar negara sedarkami dapat melanjutkan pelajaran ke luar negara atas perjuangan Umno," katanya.

Ahmad Ikram juga berkata Kelab Umno Chicago yang mempunyai lebih 100 anggota sentiasa berusaha menarik lebih ramai pelajar menyertainya.--

BERNAMA

ARA MAI